



BH (Wilayah) Sab 15/11/08 m/s 41

Empat penyertaan UMP di Jerman catat kejayaan

KUANTAN:UniversitiMalaysia Pahang (UMP) mencatat kejayaan sekali lagi apabila empat penyertaannya dalam pertandingan International Trade Fair-Ideas-Inventions-New Products (IENA) meraih kemenangan.

Pada pertandingan yang diadakan di Nuremberg, Jerman itu, penyelidik UMP meraih empat pingat termasuk satu emas dan tiga perak.

IENA yang menjadi medan mempamerkan inovasi produk bertaraf antarabangsa diadakan setiap tahun dan menarik lebih 800 penyertaan daripada 39 negara.

Malaysia menghantar 36 penyertaan dan empat daripadanya disumbangkan UMP.

Pingat emas yang dimenangi itu ialah hasil penyelidikan A

Novel Enzymatic Membrane Reactor (EMR) for the Production of Fructo-Oligosaccharides From Natural Coconut' yang diketuai Dr Mimi Sakinah Abd Munaim daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli.

Penyelidikan itu berkaitan penghasilan gula ringkas daripada

air kelapa untuk kegunaan penyakit kencing manis dan penyakit usus.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata kejayaan penyelidik terbabit bukan saja mendapat pengiktirafan antarabangsa, malah mengharumkan nama UMP.

"Hasil kajian itu sudah diproses untuk mendapatkan paten selain mempunyai potensi dikomersialkan," katanya berucap pada Majlis Meraikan Kejayaan Penyelidik UMP di IENA di sini, petang semalam.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Mohd Rosli Yunus dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam, Prof Dr Ideris Zakaria.

“Hasil kajian sudah diproses untuk mendapatkan paten, mempunyai potensi dikomersialkan”

Dr Daing Nasir Ibrahim
Naib Canselor UMP



DR MIMI SAKINAH menunjukkan pingat emas dan sijil pengiktirafan yang dimenangi di Nuremberg, Jerman kepada **Dr Daing** (kanan) sambil diperhatikan **Dr Mohd Rosli**.

HALIM MARYATI | BERITA-HARIAN